

01/05/2001

Abdul Rahman mahu Pulau Pinang terus maju

Ridzuan Yop

HASRAT pertama beliau selepas dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri (TYT) Pulau Pinang adalah untuk melihat negeri itu terus maju, rakyatnya bersatu padu serta dapat hidup dalam suasana aman dan damai.

"Pengalaman menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) memperlihatkan kepada saya bahawa kita perlu mempunyai negara yang aman untuk membolehkan rakyatnya dapat terus menikmati pembangunan yang dirancang oleh kerajaan.

"Daripada pemerhatian saya, sama ada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kerajaan atau Adun pembangkang masing-masing bekerja kuat untuk melihat Pulau Pinang terus membangun berdasarkan kepada perkara yang mereka bangkitkan dalam Dewan," kata Datuk Abdul Rahman Abas, dalam pertemuan dengan Berita Harian di kediaman sementara di Rumah Tetamu di Jalan Maclister di sini, baru-baru ini.

"Apa yang saya seronok ketika menjadi Speaker iaitu semua orang senang dengan saya dan oleh kerana itu saya sentiasa cuba bersikap adil terhadap semua orang (Adun)," katanya, yang turut ditemani isterinya, Datin Majimor Sharif dalam pertemuan itu.

Katanya, beliau akan memberi peluang kepada semua Adun tidak kira daripada kerajaan atau pembangkang untuk bercakap kerana hujah mereka adalah menggambarkan harapan rakyat terhadap segala masalah yang berlaku di kawasan masing-masing.

Menceritakan pengalamannya sebagai Speaker, Abdul Rahman berkata, beliau turut kagum dengan kepetahan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, yang baru menjadi Ketua Menteri serta Ketua Pembangkang ketika itu, Lim Kit Siang mengemukakan hujah dalam bahasa Melayu dengan begitu fasih.

"Selain fasih berbahasa Melayu, Tsu Koon dan Kit Siang juga membuat hujah berdasarkan kepada fakta serta membuat rujukan sebelum mengemukakan di dalam Dewan," katanya.

Abdul Rahman berkata, beliau juga perlu mengendalikan perdebatan dengan baik kerana ketika itu Kerajaan hanya mempunyai 'majoriti mudah' manakala pembangkang mempunyai 13 kerusi daripada 33 kerusi yang dipertandingkan.

Beliau berkata, bagi mengendurkan suasana tegang ketika berlaku perdebatan antara Adun kerajaan dan Adun pembangkang beliau sentiasa cuba membuat jenaka agar perjalanan Dewan tidak membosankan.

"Selain itu setiap kali tiba musim durian pada waktu Dewan bersidang saya akan mengadakan 'kenduri durian' untuk Adun kerana ketika memakan durian mereka juga dapat bercampur gaul dan mengetepikan sementara hal politik masing-masing," katanya yang juga anak keenam daripada 10 beradik.

Abdul Rahman, 63, adalah seorang ahli perniagaan sebelum dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri baru menggantikan Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir yang berkhidmat selama 12 tahun sejak 1989.

Abdul Rahman yang mempunyai empat anak serta lapan cucu berkata, walaupun dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri dan perlu mengikut protokol yang ditetapkan beliau yakin tidak menghadapi kesukaran kerana sebelum ini beliau turut memegang jawatan Pengerusi Majlis Istiadat Pulau Pinang yang sememangnya bersangkutan paut dengan protokol.

"Bagaimanapun, tidak dinafikan saya perlu mengikut protokol sebagai Ketua Negeri yang ditetapkan termasuk tidak boleh lagi makan di gerai atau minum di tepi jalan seperti sebelum ini di gerai yang saya gemar," katanya.

Anak kelahiran Kampung Permatang Rambai, Kepala Batas, Seberang Prai Utara (SPU) itu memulakan kerjaya sebagai seorang guru ketika berusia 14

tahun dan guru termuda di Kepala Batas sebelum melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak.

Melihatkan tidak ramai guru siswazah di kalangan anak Melayu, Abdul Rahman kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (UM) dalam pengajian sastera pada usia 31 tahun.

Pembabitan beliau dalam politik mula terserlah apabila memegang jawatan Timbalan Ketua Bahagian Umno Kepala Batas yang ketika itu diketuai Ahmad Badawi yang juga ayah kepada Timbalan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Abdullah dan beliau kemudian memenangi jawatan Exco Pemuda pada zaman Tan Sri Syed Jaafar Albar dan Datuk Harun Idris.

Beliau kemudian dilantik Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri dan jawatan paling lama disandangnya selama 14 tahun. Kerjaya Abdul Rahman sebagai wakil rakyat bermula pada 1977 apabila beliau memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Bertam di Kepala Batas selepas kematian Ahmad Badawi.

Pada pilihan raya kecil itu, Abdul Rahman menang tanpa bertanding dan mempertahankan kerusi itu sehingga bersara pada 1995.

Ditanya mengenai minatnya, Abdul Rahman berkata, beliau suka bermain golf, berjoging dan membaca serta membantu isterinya menanam pokok bunga di sekitar kediaman mereka.

Mengenai minatnya membaca, Abdul Rahman berkata, beliau suka membaca mengenai biografi tokoh terkemuka dunia serta tempatan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai pandangannya dalam pelbagai isu.

Selain itu, beliau mempunyai himpunan biografi tokoh agama Islam seperti nabi serta tokoh pemimpin terkemuka dunia termasuk Mao Tze Tung, Gandhi dan Nelson Mandela.

Beliau juga pernah menulis untuk beberapa ruangan dalam akhbar suatu ketika dulu, seperti rencana, kupasan sastera serta puisi dan sajak.

"Bagaimanapun, disebabkan kesibukan tugas saya tidak lagi cergas menulis, tetapi jika ada masa saya berhasrat untuk menghasilkan sebuah novel berlatarbelakangkan politik Malaysia," katanya.

Abdul Rahman berkata, negara ini mempunyai pelbagai kaum dan semua rakyat yang tinggal di dalamnya mempunyai aspirasi yang sama iaitu untuk hidup dalam suasana aman, makmur dan tenteram.

"Oleh itu, saya percaya dengan kepemimpinan yang ada sama di peringkat kerajaan negeri dan persekutuan perpaduan dapat dikekalkan dan pembangunan dapat terus dinikmati," katanya.

(END)